

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

Berita Harian (BH) telah diterbitkan pada 1 Julai 1957 oleh *Straits Times Press* (STP). Tujuan penerbitan BH adalah sebagai wadah kepada masyarakat Melayu untuk menjalin hubungan dengan kaum-kaum lain. Terbitan BH yang pertama ialah **(1)** terjemah daripada laporan akhbar *The Straits Times* (ST). Oleh sebab BH diterbitkan di Kuala Lumpur dan Singapura masih di bawah jajahan British, maka **(2)** banyak laporan berita berkisar pada perihal perkembangan di Malaya **(3)** masuk yang menaikkan semangat nasionalisme dan usaha bagi mencapai kemerdekaan. Menurut lidah pengarang edisi pertama BH, penerbitan BH **(4)** papar kemajuan yang cemerlang dalam sejarah kewartawanan Malaya. Akhirnya, pada tahun 1971, BH menjadi akhbar Melayu tunggal di Singapura setelah Singapura berpisah dengan Malaysia pada tahun 1965. **(5)** Panjang usia BH, akhbar ini telah melalui banyak perubahan dari segi kandungan serta corak penampilannya agar dapat memenuhi cita rasa masyarakat yang berubah-ubah. Namun begitu, BH tetap memainkan peranan penting dalam mengetengahkan isu-isu luar dan dalam negara serta kemajuan dan kejayaan yang diraih oleh masyarakat Melayu/Islam.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Papar Perkembangan dan Aspirasi Masyarakat', Berita Harian, 17 Mei 2013)

SOALAN A2 (10 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks di bawah. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) ringan tulang, berat perut
- (B) dalam menyelam, cetek bertimba
- (C) bukit sama didaki, lurah sama dituruni
- (D) sedencing bagai besi, seciap bagai ayam
- (E) bodoh-bodoh sepat, tiada makan pancing emas
- (F) bulat air oleh pembuluh, bulat kata oleh muafakat
- (G) kuat ketam kerana sepit, kuat burung kerana sayap
- (H) bagai kerakap atas batu, hidup enggan mati tak mahu
- (I) meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga
- (J) berapa berat mata memandang, berat juga bahu yang memikul

Hanafiah, selaku ketua dalam kelas Menengah 4 Cempaka, telah mengusulkan pengumpulan dana bagi membantu Jimmy sekeluarga. Ini kerana Jimmy berhadapan dengan masalah bagi membiayai kos pembedahan ibunya yang menghidapi barah tekak. Sebenarnya, ibu Jimmy telah lama menderita akibat penyakit tersebut. Penderitaannya bak pepatah **(6)** _____. Usulan Hanafiah itu dipersetujui ramai. Mereka semua berbincang dan akhirnya mencapai kata sepakat untuk melakukan sesuatu usaha bagi mengumpulkan dana tersebut. Tindakan mereka ini diibaratkan **(7)** _____. Semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh para pelajar ini menggambarkan sikap permuafakatan dalam kalangan mereka agar senang dan susah sama-sama dirasai, umpama **(8)** _____. Hanafiah dan rakan-rakan amat terharu akan keadaan Jimmy yang terpaksa menjaga ibunya itu. Mereka sependapat sesusah-susah orang yang melihat penderitaan seseorang itu tentulah tidak sama dengan penanggung orang yang menderita itu sendiri, ibarat **(9)** _____. Oleh itu, para pelajar Menengah 4 Cempaka telah mengadakan bazar mini pada waktu rehat untuk menjual barang-barang terpakai, kek coklat dan air *Bubble Tea* bagi mengumpulkan dana. Tindakan mereka sekelas umpama **(10)** _____ kerana telah bekerjasama melakukan sesuatu, baik ringan mahupun berat. Akhirnya, mereka berjaya mengumpulkan sebanyak \$1030. Pihak sekolah juga telah menyumbang sebanyak \$2000 hasil daripada kutipan wang daripada guru-guru.

SOALAN A3 (10 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

namun	inovatif	inisiatif
justeru	bertutur	penganjur
memperkaya	mengembangkan	

Pesta Kandungan Buku Kanak-Kanak Asia 2013 anjuran Majlis Pembangunan Buku Nasional Singapura (NBDCS) akan berlangsung mulai 25 Mei hingga 30 Mei di Perpustakaan Negara. Tujuan NBDCS mengadakan pesta ini adalah untuk memikirkan cara-cara **(11)** _____ dalam menghasilkan kandungan buku cerita yang sesuai untuk kanak-kanak Asia yang menyentuh tentang budaya Asia. Di samping itu, pihak **(12)** _____ akan juga menumpukan aspek pendidikan dwibahasa. Ini kerana, pada masa kini, bukanlah mudah untuk memastikan kanak-kanak mampu **(13)** _____ dalam bahasa Inggeris dan bahasa ibunda secara lancar lagi berkesan. **(14)** _____, dengan adanya pendedahan awal pada dwibahasa, kanak-kanak dapat **(15)** _____ pengetahuan mereka dalam bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Dalam pesta ini, para pengunjung akan disediakan dengan pelbagai bengkel, sesi perbincangan dan program belajar bersama pakar.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Kepentingan Buku Dwibahasa', Berita Harian, 16 Mei 2013)

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1

<h3 style="text-align: center;">KEHARUMAN LAVENDER HILANGKAN STRES</h3> <p>Ramai yang menyukai lavender, iaitu sejenis tanaman hiasan yang berbunga ungu, disebabkan keharumannya. Bunga lavender ini banyak digunakan dalam membuat sabun, syampu dan uncang pengharum pakaian.</p> <p>Selain digunakan sebagai bahan cucian dan wangian, para penyelidik mengesahkan lavender dapat digunakan sebagai herba ubatan. Lavender dapat merawat penyakit reumatik, tekanan darah tinggi, insomnia, kemurungan dan masalah pencernaan. Misalnya, jika seseorang itu menghidu bau minyak lavender, ia akan dapat menenangkan perasaannya.</p> <p>Bagi mereka yang mengalami insomnia, mereka boleh meletakkan beberapa titisan minyak lavender di bantal. Dengan cara begini, mereka mampu mengatasi tekanan yang dialaminya.</p> <p>Kajian juga telah menunjukkan bahawa minyak lavender dapat mengurangkan migrain, loya tekak dan menghentikan sakit kepala. Caranya adalah dengan menggosok dua atau tiga titis minyak lavender pada bahagian atas bibir.</p> 	 <p>Bau minyak lavender yang dihidu akan pasti mengatasi masalah ketidakselesaan pada kepala seseorang itu.</p> <p>Bunga lavender juga dapat dijadikan sebagai air teh. Teh bunga lavender dapat membantu masalah kegelisahan, loya tekak dan pening.</p>  <p>Namun, wanita hamil, wanita yang menyusukan anak dan penghidap diabetes perlu mengelakkan diri daripada penggunaan minyak lavender. Ini kerana ia boleh menyebabkan reaksi alahan kepada mereka yang berkulit sensitif.</p> <p>Oleh yang demikian, perlulah seseorang itu mendapatkan nasihat daripada pengamal perubatan bagi mengelakkan kemudaratan di pada diri mereka.</p> 
--	---

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Keharuman Lavender Hilangkan Stres, Majalah Mingguan Wanita, 29 Mac – 04 April, 2013)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

16 Artikel ini menunjukkan bahawa lavender mempunyai banyak kegunaannya **kecuali** digunakan sebagai bahan _____.

- (A) wangian
- (B) gosokan
- (C) minuman
- (D) ubat-ubatan

17 Mereka yang ada kencing manis tidak digalakkan menggunakan minyak lavender kerana ia _____.

- (A) boleh menyebabkan insomnia
- (B) akan memudaratkan kesihatan
- (C) boleh mengakibatkan alahan pada kulit yang sensitif
- (D) akan menyebabkan ketidakselesaan pada bahagian kepala

18 Perkataan 'pencernaan' dalam petikan ini membawa erti _____.

- (A) penyebatian
- (B) pemusnahan
- (C) penghadaman
- (D) penghancuran



Ratu Halus & Mulus 2013

Syarat-syaratnya:

- ❖ Terbuka kepada rakyat Singapura dan penduduk tetap Singapura yang berumur antara 21 - 29 tahun.
- ❖ 2 resit produk Losyen Halus & Mulus disertakan dalam borang penyertaan.
- ❖ 2 keping gambar peserta berukuran 4R bersama produk terbaharu iaitu Losyen Halus & Mulus perisa Delima dan Ros.
- ❖ Perwatakan yang menarik, berkarisma, cantik dan bijak.

40 orang peserta akan dipilih untuk sesi temuduga. 12 orang peserta akan dipilih ke peringkat akhir. Hanya 3 orang peserta yang akan dinobatkan sebagai pemenang.

PRODUK TERBAHARU

Losyen Halus & Mulus Perisa Delima



Losyen Pati Delima dihasilkan untuk keselesaan pengguna dengan baunya yang amat harum serta teksturnya yang halus dan lembut. Khasiat buah delima tinggi kadar antioksidan bagi merangsang pengeluaran kolagen yang mampu melembutkan dan memutihkan kulit si pemakai. Losyen ini amat sesuai untuk wanita dan suri rumah yang sentiasa mengutamakan penampilan diri di khalayak ramai.

Losyen Halus & Mulus Perisa Ros



sahaja.

Losyen Pati Ros yang dihasilkan akan dapat merangsang daya ingatan dan memberikan ketenangan jiwa. Khasiat ros yang mengandungi vitamin A, B3, C, E dan D juga dapat mengempiskan perut serta menegangkan otot-otot. Harumannya yang wangi membolehkan wanita yang bekerja dan suri rumah menggunakannya pada bila-bila masa



Untuk mendapatkan keterangan lanjut dan memuat turun borang, sila lungsur laman Facebook atau imbas Kod QR yang tertera di bawah ini.



Ratu Halus & Mulus 2013

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 7, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

19 Salah satu kriteria yang diwajibkan bagi wanita yang ingin menyertai pertandingan Ratu Halus & Mulus 2013 ialah peserta _____.

- (A) berumur sehingga 29 tahun
- (B) berkarisma, pintar dan anggun
- (C) bergambar dengan dua resit produk Losyen Halus & Mulus
- (D) bergambar dengan produk Losyen Halus & Mulus perisa Delima dan Ros

20 Keistimewaan Losyen Halus & Mulus perisa Delima ialah ia _____.

- (A) halus, lembut, wangi dan berkrim
- (B) dapat menegangkan dan memutihkan kulit
- (C) mempunyai bahan antioksidan untuk menghasilkan kolagen
- (D) amat sesuai bagi mereka yang mementingkan keharumannya

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

“Jiha, dari pagi sampai ke malam, asyik tonton televisyen sahaja. Jiha tidak mahu cari kerja? Sampai bila Jiha hendak duduk di rumah ini? Ibu hantar Jiha pergi belajar tinggi-tinggi supaya dapat bantu ibu apabila sudah besar. Bukannya untuk lihat Jiha goyang kaki seperti ini,” leteran Puan Normah telah menjejaskan fokus Najihah pada drama yang disiarkan di televisyen 36 inci itu.

5

Ini bukan sekali dua ibunya **membebel** perkara yang sama kepadanya. Najihah pasti bebelan itu tidak akan terhenti di situ. Pada diri Najihah, ini bukan masanya untuk dia menjelaskan duduk perkara yang sebenar kepada ibunya itu.

“Cuba tengok kakak dan abang Jiha, semuanya sudah ada rumah, kereta dan anak-anak. Jiha tidak teringin hendak jadi seperti mereka?” sambung Puan Normah.

10

Sudah banyak kali Najihah menjelaskan kepada ibunya bahawa dia tidak mahu hidup seperti kakak dan abangnya yang berjawatan tinggi dan bergaji amat lumayan tetapi tidak dapat meluangkan masa dengan keluarga. Mereka lebih **rela** melayan kerja-kerja pejabat daripada anak-anak mereka yang amat mendahagakan kasih ibu bapa. Hal ini membuatkan Najihah amat geram akan sikap kakak dan abangnya seolah-olah mahu **lepas tangan**. Pagi-pagi sudah dihantar anak-anak mereka ke rumah ibu dan waktu malam baru anak-anak itu diambil. Wang perbelanjaan anak-anak dan upah bagi keringat ibu tidak pernah mereka hulurkan kepada ibu. Segala-galanya diuruskan oleh ibu yang semakin tua itu.

15

20

“Kenapa tidak dihantar anak-anak abang ke rumah **pengasuh** sahaja?” usul Najihah pada suatu hari ketika abang dan kakak iparnya datang ke rumah.

“Kakak ipar Jiha yang tidak mahu orang luar menjaga budak-budak ini. Bukankah sekarang banyak kes yang melibatkan pengasuh?” terang abang Nizam kepada Najihah.

“Biarlah sahaja ibu yang menjaga mereka. Bukan susah sangat. Dahulu pun ibu yang jaga kamu semua tiga beradik. Kakak dan abang Jiha sibuk bekerja cari duit, bukan seperti Jiha, yang banyak sangat masa lapang,” kata Puan Normah yang secara tidak langsung menyinggung hati Najihah.

25

Sekian lama Najihah telah merahsiakan satu perkara daripada keluarganya. Sebenarnya, Najihah baru berjinak-jinak dengan bidang penulisan dan telah menulis buku serta artikel bagi keratan akhbar dan majalah. Keasyikannya menonton televisyen dan menghadap komputer adalah untuk dia mendapatkan ilham untuk bahan penulisannya. Sejauh ini, pihak syarikat penerbitan itu amat bangga akan kerjanya itu.

30

Justeru, apabila dia mendapat cek pertamanya yang lumayan jumlahnya, dia telah menghadiahkan ibunya sebuah mesin basuh. Puan Normah amat terkejut dengan hadiah tersebut apatah lagi melihat nama Jiha Johari tertera di buku-buku dan artikel-artikel yang tersusun rapi di bilik tidur anaknya. Najihah berasa lega bahawa ibunya tidak memandang rendah akan kerjayanya itu. Dia sebenarnya mahukan pekerjaan yang membolehkan dia bekerja dari rumah agar dapat membantu ibunya menjaga anak-anak saudaranya yang amat aktif itu.

35

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Rahsia Najihah', Majalah Mingguan Wanita, 07-13 Disember, 2012)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang diberikan. Kemudian, tulis jawapan kamu dalam Kertas Jawapan yang disediakan.

- 21** Apakah punca utama yang menyebabkan Puan Normah meleteri Najiha? (3 markah)
- 22** Nyatakan maksud kata-kata Puan Normah ini; "*Jiha tidak teringin hendak jadi seperti mereka?*" (baris 10) (3 markah)
- 23** Najiha menganggap abang dan kakaknya bersikap lepas tangan. Beri bukti bagi menyokong pernyataan ini. (3 markah)
- 24** Nyatakan sifat-sifat Najiha yang boleh dicontohi. Beri bukti-bukti bagi menyokong jawapan kamu. (3 markah)
- 25** Jelaskan satu perbezaan sikap Puan Normah terhadap anak lelaki dan anak perempuannya berbanding dengan Najiha. (5 markah)
- 26** Pada pendapat kamu, wajarkah Najiha merahsiakan kerjayanya daripada pengetahuan keluarganya? Berikan dua alasan bagi menyokong jawapan kamu itu. (5 markah)

Bagi **Soalan 27 hingga Soalan 30**, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

- 27** membebel (baris 6) (2 markah)
- 28** rela (baris 14) (2 markah)
- 29** lepas tangan (baris 17) (2 markah)
- 30** pengasuh (baris 21) (2 markah)

Selesai

**SKEMA JAWAPAN
PERINGKAT 'O' – BERITA HARIAN (2013)**

No.	KOMPONEN	MARKAH
	BAHAGIAN A: A1: IMBUHAN (Soalan 1 – 5)	10 Markah
1.	penterjemahan	2 m
2.	kebanyakan	2 m
3.	termasuk	2 m
4.	memaparkan	2 m
5.	Sepanjang	2 m
	BAHAGIAN A: A2: PERIBAHASA (Soalan 6 – 10)	10 Markah
6.	H: bagai kerakap atas batu, hidup enggan mati tak mahu (Men 2)	2 m
7.	F: bulat air oleh pembuluh, bulat kata oleh muafakat (Men 4)	2 m
8.	C: bukit sama didaki, lurah sama dituruni (Men 4)	2 m
9.	J: berapa berat mata memandang, berat juga bahu yang memikul (Men 3)	2 m
10.	D: sedencing bagai besi, seciap bagai ayam (Men 3)	2 m
	A3: MELENGKAPKAN TEKS (Soalan 11 – 15)	10 Markah
11.	inovatif (KA)	2 m
12.	penganjur (KN)	2 m
13.	bertutur (KK)	2 m
14.	Justeru (KT)	2 m
15.	memperkaya (KK)	2 m
	BAHAGIAN B: PEMAHAMAN OBJEKTIF (Soalan 16 – 20)	10 Markah
16.	B	2 m
17.	C	2 m
18.	C	2 m
19.	D	2 m
20.	C	2 m
	BAHAGIAN C: PEMAHAMAN SUBJEKTIF (Soalan 21 – 30)	30 Markah
21	<p>Apakah punca utama yang menyebabkan Puan Normah meleteri Najih?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Najih asyik menonton televisyen dari pagi hingga ke malam sehingga tidak mahu mencari kerja. 	3m
22	<p>Nyatakan maksud kata-kata Puan Normah ini; “<i>Jiha tidak teringin hendak jadi seperti mereka?</i>” (baris 10)</p>	3m

No.	KOMPONEN	MARKAH
	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Normah bermaksud tidakkah Najihah berhasrat untuk menjadi seperti kakak dan abangnya yang mempunyai rumah, kereta dan anak-anak. 	
23	<p>Najihah mengangap abang dan kakaknya bersikap lepas tangan. Beri bukti bagi menyokong pernyataan ini.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Buktinya ialah mereka telah menghantar anak-anak mereka pada waktu pagi ke rumah ibu mereka dan pada waktu malam barulah mereka mengambil semula anak-anak mereka. • Buktinya ialah abang dan kakak Najihah tidak memberi ibu mereka upah mahupun wang perbelanjaan menjaga anak-anak mereka. <p><i>(Pilih salah satu jawapan)</i></p>	3m
24	<p>Nyatakan sifat-sifat Najihah yang boleh dicontohi. Beri bukti-bukti bagi menyokong jawapan kamu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bertimbang rasa Bukti: Najihah mencari pekerjaan yang boleh dilakukan dari rumah agar dia boleh membantu ibunya menjaga anak-anak saudaranya itu. • Tidak sensitif Bukti: Najihah tidak ambil hati dengan leteran ibunya itu. <p><i>(Jawapan pelajar yang munasabah boleh diterima)</i></p>	3m
25	<p>Jelaskan satu perbezaan sikap Puan Normah terhadap anak lelaki dan anak perempuannya berbanding dengan Najihah.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Puan Normah amat bangga akan kehidupan anak lelaki dan anak perempuannya manakala Puan Normah sering menyinggung perasaan Najihah. Ini kerana abang dan kakak Najihah sibuk bekerja mencari duit bagi keluarga masing-masing manakala Najihah mempunyai banyak masa lapang kerana tidak bekerja. • Puan Normah sering mempertahankan tindakan abang dan kakak Najihah yang melepaskan tanggungjawab menjaga anak-anak mereka manakala Puan Normah sering membebelkan Najihah yang tidak bekerja. Ini kerana Puan Normah berpendapat menguruskan cucu-cucunya bukanlah perkara yang susah manakala Puan Normah tidak suka akan Najihah yang asyik menonton televisyen dari pagi hingga malam tanpa menunjukkan usaha untuk mencari pekerjaan. <p><i>(Pilih salah satu jawapan)</i></p>	5m

No.	KOMPONEN	MARKAH
26	<p>Pada pendapat kamu, wajarkah Najiha merahsiakan kerjayanya daripada pengetahuan keluarganya? Berikan dua alasan bagi menyokong jawapan kamu itu.</p> <p>Najiha wajar merahsiakan kerjayanya daripada pengetahuan keluarganya. Ini kerana Najiha baru mula dalam bidang penulisan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Alasan yang pertama ialah Najiha mahu memberi kejutan kepada keluarganya terutama ibunya yang dia juga boleh berjaya seperti abang dan kakaknya. • Alasan yang kedua ialah Najiha belum pun mendapat hasil daripada pekerjaannya itu. <p>Najiha tidak wajar merahsiakan kerjayanya daripada pengetahuan keluarganya. Ini kerana Najiha tidak semestinya menerima tomanan daripada ibunya yang sering memperkecilkan keadaan Najiha yang disangkanya tidak bekerja itu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Alasan yang pertama ialah Puan Normah sering membebelkan Najiha yang tidak bekerja dan asyik menonton televisyen atau komputer dari siang hingga malam. • Alasan yang kedua ialah Puan Normah sering membandingkan keadaan Najiha dengan kakak dan abangnya yang sudah mempunyai rumah, kereta dan keluarga. 	5m
27	<p>membebel (baris 6)</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengomel • berleter 	2 m
28	<p>rela (baris 14)</p> <ul style="list-style-type: none"> • sanggup • bersedia 	2 m
29	<p>lepas tangan (baris 17)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tidak masuk campur dalam sesuatu hal • Tidak bertanggungjawab dalam sesuatu hal 	2 m
30	<p>pengasuh (baris 21)</p> <ul style="list-style-type: none"> • penjaga dan pendidik 	2 m
	Markah Penuh	70 Markah